

**Cah!** Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

# Majlis kahwin Melayu \$50? Buku perjas budaya Melayu

Ditulis dalam bahasa Inggeris agar lebih mudah difahami bangsa lain

► **NURMAYA ALIAS**  
nurmaya@qsp.com.sg

ADA pelbagai buku tentang budaya dan warisan Melayu dalam bahasa ibunda tetapi hanya segelintir dalam bahasa Inggeris.

Atas dasar itu, penulis buku, Cik Hidayah Amin, merasakan sudah tiba masanya untuk mencetak buku, *Malay Weddings Don't Cost \$50 And Other Facts About Malay Culture* (Majlis Perkahwinan Melayu Tidak Berharga \$50 dan Fakta-fakta Lain tentang Budaya Melayu).

Beliau, lulusan sarjana sejarah Universiti Cambridge, pernah menulis sebanyak 47 rencana mengenai budaya dan warisan Melayu di blog 'Let's Lepak' bagi satu laman web milik Yayasan Antarabangsa Singapura (SIF), [www.singaporekopitiam.sg](http://www.singaporekopitiam.sg).

Maklum beliau positif yang diterimanya mendorong beliau membukukan rencana lama dan baru itu selepas laman web tersebut tidak lagi aktif.

Buku itu hasil syarikat penerbitan Cik Hidayah, Helang Books, merangkumi 42 rencana yang memberi pautan tentang budaya dan warisan, gaya hidup dan persona Melayu.

Bagi mempersiapkan buku itu, Cik Hidayah telah memilih dan membuat kajian tentang satu senarai topik yang luas termasuk satu bibliografi.

Antara topik dalam buku itu ialah *When Visiting a Malay Home* (adat istiadat semasa mengunjungi sebuah rumah orang Melayu); *Khatam - The Journey from Boyhood to Manhood* (saman khatam); dan *Potong Andam* (adat mengetahui dara atau bukan).

"Penulis saya membolehkan pembaca mudah mencerna maklumat padat dan seronok dibaca," kata Cik Hidayah.

Katanya lagi, beliau juga mahu setiap esei dipadankan dengan gambar-gambar yang re-



**MENDIDIK MASYARAKAT:** Penulis buku, Cik Hidayah Amin (gambar atas) telah menulis sebuah buku baru berbahasa Inggeris mengenai budaya dan warisan Melayu berjudul *Malay Weddings Don't Cost \$50 And Other Facts About Malay Culture* (gambar kecil) supaya bangsa asing juga dapat mengenali budaya dan warisan Melayu. - Foto-foto REBELPIXEL PHOTOGRAPH and HELANG BOOKS

levan untuk meningkatkan pembelajaran pembaca.

Justeru, selain mencetak gambar koleksinya, beliau telah mendapatkan beberapa gambar daripada kawan dan anggota keluarga.

Beliau juga telah membelanjakan sekitar \$620 untuk membeli gambar luar biasa dan mendapatkan khidmat seorang pelukis ilustrasi untuk menghasilkan beberapa ilustrasi.

Selain itu, beliau juga telah membayar hak cipta untuk menerbitkan lima setem

dalam bukunya kepada Muzium Filatelik Singapura.

"Buku ini ialah satu projek gotong-royong. Kawan-kawan menolong dengan membaca draf, mengambil atau meminjam gambar draf untuk buku, memberi sokongan moral, menyumbang tenaga di pelancaran buku dan sebagainya," ujar Cik Hidayah.

Bagi memastikan agar kandungan buku itu jelas difahami buat pembaca bangsa asing, beliau telah bekerja sama dengan seorang bangsa Cina yang menyunting buku itu.



syen berbahasa Inggeris bagi Hadiah Sastera Singapura (Singapore Literature Prize) tahun ini.

Namun, Cik Hidayah menghadapi beberapa rintangan semasa menulis buku itu, antaranya kegalatannya mendapatkan dana daripada pihak-pihak berkenaan kerana menurut pihak yang dimohon, beliau menusi adat istiadat yang tidak lagi diamalkan dan beliau menulis tentang pengalaman hidupnya di luar negara, selain menulis dalam bahasa Inggeris dan bukan Melayu.

Namun, beliau tidak berputus asa. Akhirnya, beliau mendapat Garisan Penerimaan Warisan (HPG) daripada Lembaga Warisan Negara (NHB) untuk mendapat subsidi bagi kos penerbitan.

Beliau juga mengalami cabaran lain yang melengkapkan judul melengkapkan buku itu, antaranya, editor buku terpaksa menjalani pembedaan kecekaman dan rawatan, manakala peresca grafik, Masturah Sha'ari daripada Maya Gallery, perlu berpindah ke pejabat baru.

Kini, Cik Hidayah, yang bakal menghasilkan buku kanak-kanak kedua, *Mina Meets Cambridge*, sedang membuat kajian untuk buku-buku tentang Kampong Gelam dan Kampong Tempe, berharap penulis dan penerbit tempatan mendapat sokongan.

► **Nota:** Buku *Malay Weddings Don't Cost \$50 And Other Facts About Malay Culture* boleh dibeli di semua gedung buku utama Singapura dan Malaysia pada harga \$29.90.

Sebelum ini, beliau pernah menulis buku koleksi 28 cerita tentang kehidupan keluarga di rumah pusaka keluarga, Gedung Kuning, dari 1850-an hingga 1999.

Buku Gedung Kuning: *Memories of a Malay Childhood* diterbitkan pada 2010.

Beliau juga telah menerbitkan sebuah buku kanak-kanak berbahasa Inggeris berjudul *The Mango Tree* (Pokok Mangga Itu) pada tahun lalu.

Isa satu-satunya buku kanak-kanak yang terpilih dalam senarai kategori bukan fik-